

Tugasan 01

1. Apakah FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21?

FPN

- Aspirasi FPN iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi JERIS (jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial).
- FPN juga memberi penekanan kepada kemahiran membaca, mengira dan menulis (3M), semua penekanan ini ialah sejajar dengan kemahiran baru seperti sains dan teknologi, kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal.
- FPN masih relevan kerana dari segi JERIS dan 3M, KPM telah menggunakan kemahiran yang lebih baharu untuk merealisasikan aspirasi FPN.
- Untuk merealisasikan aspirasi ini, KPM telah membangunkan 'Blueprint' yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM).
- Dengan mengikuti kemahiran teknologi yang baharu, kualiti pendidikan dapat ditingkatkan, kualiti pengajaran menjadi lebih berkesan dan aspirasi FPN menjadi lebih mudah untuk direalisasikan.

FPK

- Tujuan FPK adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan demi keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.
- Untuk merealisasikan FPK, PPPM juga digunakan untuk tidak mengasingkan murid berdasarkan pencapaian akademik semata-matanya tetapi juga mengambil berat aspirasi FPN/FPK.
- Dengan perubahan zaman, manusia hari ini perlu bersaing dengan AI(Artificial Intelligence).
- Jadi, murid yang bakal menjadi pemimpin dan pekerja global perlu dipupuk supaya mereka tidak hanyut dalam arus deras kemajuan global dan tujuan FPK juga dicapai.

Konklusinya, FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21 dari pelbagai segi. Walaupun tidak menggunakan perkataan FPN dan FPK tetapi aspirasi dan tujuan FPK dan FPN masih direalisasikan pada abad ke-21 ini.

2. Adakah FPN/FPK setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global ?
 - Ada
 - FPN Malaysia mewujudkan Pendidikan Malaysia ialah satu usaha yang berterusan bagi setiap orang untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara berilmu, menyeluruh dan juga bersepadu.
 - Dalam agenda antarabangsa dan global juga menimbangkan ke arah pendidikan untuk memperkembangkan seseorang yang harmoni dan bersepadu.
3. Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia menyumbang kepada pendidikan dunia?
 - Membekalkan model insan yang mempunyai aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS)
 - Membekalkan peluang belajar kepada kanak-kanak dari keluarga miskin
 - Kenaikkan darjah dan tingkatan secara automatik membolehkan pelajar menuntut ilmu secara berterusan tanpa sekatan walaupun ada sesetengah pelajar tidak berbakat dalam bidang akademik
 - Penubuhan perpustakaan awam yang membolehkan masyarakat meminjam buku dan sebagainya
 - Sebagai rujukan untuk membantu para pendidik memahami sistem pendidikan negara
4. Sejauhmanakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?
 - FPK merupakan dasar pendidikan yang telah dilaksanakan di negara Malaysia untuk melahirkan insan seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sosial.
 - IR4.0 merupakan pemeraksanaan struktur ekonomi dalam aspek pengurusan, industri dan komersil yang menekankan pembangunan teknologi digital (realiti maya) bagi mengurangkan kos penggunaan tenaga manusia.
 - Pembangunan sistem digital yang semakin mantap mendorong pelbagai sektor di seluruh dunia terutamanya dalam sektor pendidikan.
 - Pada peringkat pendidikan tinggi misalnya, ia berkisar kepada pembangunan bakat dan bidang teknologi baharu, digital dan kejuruteraan bertujuan mempersiapkan graduan untuk pasaran kerja dalam pengeluaran pintar.
 - Dengan adanya sistem digital yang baik, insan yang seimbang dapat dilahirkan dengan lebih mudah. Dalam IR4.0, kelestarian akademik dapat membantu pencapaian pelajar disamping mendidik minda mereka agar lebih bersedia terhadap persaingan kerjaya dan kehidupan.
 - Di era revolusi industri 4.0, pelajar mengimpikan satu ekosistem pembelajaran yang tidak lagi terhad kepada bilik darjah dan pembelajaran secara bersemuka. Pelbagai alternatif yang menggunakan teknologi sebagai platform membolehkan PDP berjalan tanpa perlu bertemu mata.
 - Konklusinya, dengan teknologi yang semakin maju, terdapat pelbagai cara yang lebih mudah untuk melahirkan insan yang seimbang. Oleh itu, IR4.0 amat relevan dengan FPN/FPK dalam melahirkan insan seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sosial dengan menggunakan teknologi sistem digital pada hari ini.